

Nasional

Impian Warga emas genggam PhD tercapai


Bekas guru tak luntur semangat selepas sembilan tahun berusaha

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Berdepan dugaan pelbagai masalah kesihatan termasuk menjalani pembedahan pintasan jantung, tidak sedikit pun melunturkan semangat seorang warga emas menggenggam ijazah Doktor Falsafah (PhD) selepas sembilan tahun berusaha.

Dr Ahmad Bakri Abdul Ghaffar, 77, turut diuji dengan sakit buah pinggang, membuang selaput mata dan menjalani pembedahan di belakang kepala sepanjang sembilan tahun sehingga menaiki pentas di Universiti Sains Malaysia (USM) semalam.

Pada upacara konvokesyen USM ke-57 semalam, bekas guru itu menerima transkrip ijazah PhD bidang Kejuruteraan Awam Pengurusan Sungai daripada Canselor USM yang juga Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin



Ahmad Bakri berkongsi kegembiraan bersama anaknya, Aidilina selepas menerima Ijazah Doktor Falsafah pada Sidang Pertama Konvokesyen Universiti Sains Malaysia Ke-57, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

Putra Jamalullail.

Ahmad Bakri berkata, antara faktor yang membakar semangatnya menyambung pengajian ke peringkat PhD ialah memenuhi impian bersalaman dengan

Raja Perlis.

Selepas memperoleh Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam pada 2004, beliau membuat keputusan untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat seterusnya.

"Mulanya memang saya tidak mahu menyambung belajar. Kebetulan dalam pertemuan bersama alumni, saya bertanya bagaimana cara untuk mendapatkan transkrip daripada Tuanku Canselor.

"Mereka memberitahu Tuanku Canselor hanya menyerahkan transkrip kepada graduan PhD dan saat itu saya nekad menyambung belajar sehingga impian saya tercapai hari ini," katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Menceritakan cabaran meraih gelaran doktor falsafah, Ahmad Bakri mengakui masalah kesihatan dialami membuatkan pengajiannya berlanjutan hingga sembilan tahun.

"Ia mengganggu proses pembelajaran hingga saya terpaksa menangguhkan sementara sebelum kembali pulih dan meneruskan pengajian," katanya.

Berikut itu, beliau menasihati golongan belia yang mempunyai kesihatan baik dan berkeinginan menyambung belajar supaya meneruskan hasrat itu secepat mungkin.

Bapa kepada tiga anak itu mandu sendiri dari Ipoh, Perak ke Pulau Pinang untuk mengikuti pengajian di USM.